

06/06/2000

MB, KM tidak semestinya dilantik MT

Kadir Dikoh; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan, menteri besar dan ketua menteri daripada Umno tidak semestinya dilantik menjadi pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri atau sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dilantik.

Beliau berkata, perkara itu tidak semestinya terjadi walaupun kelazimannya menteri besar dilantik untuk mengetuai badan perhubungan Umno negeri masing-masing.

"Lazimnya, ya. Lazim bermakna kadang-kadang tidak lazim," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama lebih tiga jam di sini hari ini, mesyuarat pertama selepas perhimpunan agung Umno lalu.

Presiden Umno turut mengumumkan pelantikan Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamad, sebagai Ketua Penerangan Umno yang baru.

Mustapa yang memperolehi undi kedua terbanyak iaitu 1,628 undi dalam pertandingan bagi jawatan MT di perhimpunan agung Umno 11 Mei lalu, menggantikan Datuk Dr Yusuf Nor.

Dr Mahathir juga mengumumkan pelantikan semula Tun Daim Zainuddin sebagai Bendahari Umno dan Tan Sri Khalil Yaakub sebagai Setiausaha Agung.

Bagaimanapun, katanya, mesyuarat MT hari ini belum memutuskan pelantikan Ketua Perhubungan Negeri dan sepuluh anggota MT yang dilantik. Pelantikan itu akan dibuat sebelum mesyuarat MT akan datang iaitu dalam tempoh dua minggu lagi.

Perlembagaan Umno memperuntukkan 35 kerusi MT iaitu 25 daripadanya diisi melalui pemilihan Perhimpunan Agung, manakala 10 lagi dilantik oleh Presiden. Isu pelantikan menteri besar dan ketua menteri sebagai ketua perhubungan Umno negeri timbul ekoran kekalahan beberapa orang dalam pemilihan parti pada 11 Mei lalu.

Mereka ialah Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam dalam pertandingan jawatan Naib Presiden manakala Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim gagal gagal mempertahankan kerusi MT.

Ditanya sama ada tanpa melantik menteri besar atau ketua menteri sebagai pengerusi badan perhubungan Umno negeri menyukarkan pentadbiran parti di peringkat negeri, Dr Mahathir berkata perkara itu akan dikaji dan segala masalah akan dapat diatasi.

Katanya, jika semua menteri besar dilantik, tiada tempat bagi orang lain termasuk perwakilan Wanita.

Mengenai kelewatan membuat pelantikan 10 ahli MT, Dr Mahathir menjelaskan pihaknya perlu berhati-hati dalam membuat pemilihan kerana cuma ada 10 tempat disediakan.

"Kita cuma ada kekosongan 10 tempat, sedangkan orang yang layak menduduki MT ramai. Jadi kita kena bagi pertimbangan kepada Wanita, (perwakilan) negeri, menteri besar, menteri-menteri...semua ini kita kena timbang, banyak yang layak.

"Tetapi tentu kita tinggalkan setengah daripada mereka. Kalaupun mereka ditinggal, kita harap, kita dapat memberi tempat kepada mereka dalam biro-biro yang akan kita tubuhkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT juga bersetuju mengilirkan mesyuarat MT iaitu sekali di ibu negara dan kemudian pada peringkat negeri bagi membolehkan pemimpin parti mendekati diri serta meninjau keadaan pada peringkat negeri.

Bagaimanapun, katanya, negeri yang pertama untuk menjadi tuan rumah bagi mesyuarat MT nanti belum diputuskan.

Pada perhimpunan agung Umno baru-baru ini, ada perwakilan menyarankan supaya mesyuarat MT diadakan di negeri-negeri.

Beliau juga berkata bahawa konvensyen Umno peringkat negeri yang ditangguhkan sebelum perhimpunan agung parti baru-baru ini bagi mengurangkan peluang berkempen, kini dibenarkan semula.

Mesyuarat MT hari ini turut menyaksikan kehadiran beberapa muka baru yang menang pada pemilihan lalu. Antaranya ialah Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Datuk Aziz Samsuddin, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Lajim Ukim dan Datuk Dr Helmi Yahya.

Sementara itu, ketika ditemui selepas mesyuarat itu, Mustapa yang juga bekas Menteri Kewangan Kedua mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir di atas kepercayaan Perdana Menteri terhadapnya.

"Ramai lagi yang layak jadi Ketua Penerangan. Saya tak fikir yang saya paling layak. Apa pun, saya ucapkan terima kasih kepada Presiden," katanya.

Mustapa berkata, tugas sebagai Ketua Penerangan adalah sesuatu yang mencabar terutama dalam pemulihan imej parti.

"Saya akan bincang dengan rakan-rakan saya dalam MT mengenai cara untuk pulihkan imej parti," katanya.